

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (45)

15 September 2021
8 Safar 1443

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 41/2021

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa akan wujud kekosongan bagi jawatan Pentadbir Akademik seperti butiran berikut:

i. Pengetua Kolej Kediaman

2. Mengikut kaedah baharu yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Universiti, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Kriteria pemilihan bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- (i) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa dan mempunyai ciri - ciri kepimpinan serta dihormati. Ahli akademik yang mempunyai kelayakan PhD atau Prof Madya adalah digalakkan untuk memohon.
- (ii) Pengalaman sebagai Pengetua, Felo kolej atau pernah terlibat dengan aktiviti pelajar sama ada di peringkat kolej, fakulti, Universiti, negeri atau negara boleh membantu untuk dipertimbangkan ke jawatan ini.
- (iii) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa juga situasi khususnya mengenai Pembangunan dan Sahsiah Pelajar.
- (iv) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya dan sanggup mengikuti program dan aktiviti pelajar yang mungkin melibatkan diri tanpa mengira masa.
- (v) Mempunyai perwatakan yang dinamik dan bertanggungjawab serta komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- (vi) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah khususnya dalam pengurusan pelajar.

- (vii) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan kolej, Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya bersesuaian kolej sebagai Pusat Pembelajaran.
4. Sehubungan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat sebelum **3 Oktober 2021** untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.
5. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- (i) Keterangan Jaya Diri (*Curriculum Vitae*) yang lengkap dan kemas kini;
 - (ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - (iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.
 - (iv) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan/ Pencalonan Jawatan Pentadbir Akademik (PP/PA/SC/2016-1) yang boleh dimuat turun melalui <http://registrar.utm.my/governan/pentadbir0akademik/>.
6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada **Timbalan Pendaftar (Ketua Pentadbiran), Bahagian Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru** sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan di atas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan-UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah